

Kajian ini, yang merangkumi sedekad sejarah organisasi tersebut, dimulai dengan kajian pada masa kepimpinan organisasi diambil-alih oleh sebuah kumpulan bergelar Darah Muda. Kemunculan Darah Muda pada dasarnya disebabkan oleh pendekatan/kaedah Da'wah yang berbeza antaranya dengan ahli-ahli lama. Kepimpinan pra-Darah Muda dalam Jamiyah menjalankan Da'wah yang berat sebelah, yang tertumpu kepada konsep kerohanian Islam yang ditanggapi oleh Darah Muda sebagai tidak dapat diterima berdasarkan keadaan sosio-ekonomi orang Islam yang tergendala di satu pihak dan hubungan baik antara Jamiyah dengan masyarakat Islam yang lebih luas di satu pihak lagi, terutamanya dengan kerajaan Arab Saudi yang kaya dengan minyak. Seterusnya, Darah Muda menuntut penyusunan semula Jamiyah agar bukan hanya keperluan kerohanian orang-orang Islam dipertimbangkan, malahan dipertimbangkan juga keperluan duniawi mereka.

Oleh itu, fokus kajian ini ialah kebangkitan semula dalam organisasi Da'wah Keislaman yang memberi dimensi baru kepada organisasi tersebut. Memandangkan Darah Muda menekankan kepentingan Islam secara menyeluruh dengan mengambil-kira keperluan orang Islam, kajian ini cuba untuk meneliti aktiviti-aktiviti yang berlaku dalam Jamiyah berikutan peningkatan Darah Muda dalam kepimpinan organisasi tersebut. Tidak dinafikan bahawa, aktiviti-aktiviti Da'wah Jamiyah bermula dari era Darah Muda lebih cenderung memenuhi keperluan material duniawi masyarakat Islam Singapura.

-
- | | |
|------------------------------|---|
| 4. Nama Penulis: | Nik Haslinda bt. Nik Hussain |
| Tajuk: | Program Pembangunan Tanah Dan Penerokaan: Kajian Sejarah Perkembangan Felda Di Pahang, 1956-1980-an |
| Terjemahan: | Land And Settlement Programmes: A Study On The Development Of Felda In Pahang, 1956-1980's |
| Institusi diserahkan: | Universiti Sains Malaysia |

Tarikh diserahkan:	Jun 1998
Jenis Ijazah:	Ijazah Sarjana
Jumlah Halaman:	305

Tesis ini cuba mengkaji dan menilai penglibatan kerajaan dalam rancangan FELDA untuk memperbaiki keadaan dan ekonomi petani-petani Melayu. Melalui pembangunan tanah dan petempatan semula peneroka FELDA, petani-petani Melayu diberi peluang untuk menjadi pembekal sumber eksport. Program-program FELDA adalah memberi motivasi untuk menukarkan pertanian saradiri kepada pertanian perdagangan yang berasaskan dua tanaman utama, iaitu getah dan kelapa sawit.

Tesis ini juga dapat membuktikan bahawa kemajuan FELDA untuk membangun peneroka ditunjukkan oleh sikap tindakbalas yang positif dari peneroka-peneroka di atas segala usaha FELDA tersebut. Misalnya dalam program pembangunan di rancangan tanah Felda Lurah Bilut, Felda Ulu Jempol dan Felda Sungai Koyan Tiga memperlihatkan kewibawaan FELDA memainkan peranannya dalam meningkatkan sosio-ekonomi mereka, dan sekurang-kurangnya dapat membantu membasmi kemiskinan khususnya di Pahang dan umumnya di Malaysia.

Peningkatan taraf sosio-ekonomi tersebut dapat dibuktikan melalui peningkatan purata pendapatan peneroka di Pahang. Bagi peneroka yang telah menyertai rancangan tanah melebihi tiga hingga lima tahun terbukti purata pendapatan mereka meningkat dengan kadar yang cepat. Kajian ini membuktikan pendapatan sebelum memasuki FELDA dan selepas sepuluh hingga dua belas tahun peneroka berada di rancangan-rancangan tanah itu, pendapatan telah meningkat sebanyak 50 peratus sehingga 74 peratus. Walau bagaimanapun, pendapatan peneroka dipengaruhi oleh harga pasaran.

Kajian mengenai program pembangunan sosial pula, telah memperlihatkan kemampuan FELDA membentuk komuniti baru dalam rancangan tanah menjadi peneroka yang mempunyai sikap, nilai sosial dan gaya hidup baru seperti kesedaran untuk menabung, pentingkan pendidikan dan melatih mereka menjadi pemimpin masyarakat melalui

persatuan. Justeru itu matlamat FELDA untuk memenuhi objektif pembangunan ekonomi dan sosial sedikit sebanyak dapat dilaksanakan.

Kajian ini juga menilai program Jengka Tiga Segi iaitu rancangan pembangunan pempandaran yang berskala besar. Walau bagaimanapun FELDA tidak dapat melaksanakan dengan jayanya rancangan tersebut kerana selepas sepuluh tahun pembangunannya keadaan pempandaran terutama di Bandar Pusat masih kurang penyertaan penduduk untuk melakukan kegiatan perniagaan yang disediakan. Hanya rancangan tanah seperti di Jengka Satu sehingga Jengka Dua Puluh Lima berjaya dilaksanakan. Pengalaman ini menjadi pengajaran kepada FELDA untuk perancangan yang teliti bagi pembangunan seterusnya. Bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa FELDA sesungguh berjaya dalam memajukan tanah untuk pertanian dan pempatan. Sehingga kini negeri Pahang masih menjadi negeri yang paling luas dimajukan dan paling banyak bilangan rancangan tanah.

This thesis attempts to study and evaluate the government involvement in the FELDA scheme to improve the condition and economy of Malay peasants. Through land development and resettlement under FELDA, Malay peasants were given a chance to be an important dealer in our export system. FELDA programmes are to create the motivation needed to change the subsistence farming into the commercial farming based on rubber and oil palm.

This thesis proves that settlers responded positively to FELDA's efforts, for example, the Felda Lurah Bilut scheme, Felda Ulu Jempol scheme and Felda Sungai Koyan Tiga scheme show that programmes land development were able to improve the socio-economic condition of the rural poor.

The average income of the FELDA participants who had joined the schemes for more than three years was comparatively higher than before. The income of those who have been there between 10 and 12 years rose between 50 percent and 74 percent. This increase was, however, largely influenced by market forces.

This study also shows that the FELDA social development programme, succeeded in changing the settler's attitudes, social values and life style. They began to put importance in saving, education and leadership qualities. Hence to some extent FELDA's socio-economic objectives were achieved.

In large urbanisation programmes, however, FELDA had not been as successful as in the above. Participation in trading by the people was still lacking in the urban centre, for example, in the Jengka Triangle. In its land and settlers' development programmes, FELDA could boast some success especially in Jengka One, through Jengka Twenty Five. To date Pahang remains the largest with the most number of land development SCHEMES.